



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## KENYATAAN MEDIA

---

### BELANJAWAN 2024 : MEMACU KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan bertemakan ‘**Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat**’ merupakan suatu pernyataan iltizam kerajaan bagi memulihkan ekonomi demi kesejahteraan rakyat.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memanfaatkan peruntukan Belanjawan 2024 berjumlah **RM16,339,467,900** yang meliputi **RM12,212,788,400** bagi Perbelanjaan Mengurus dan **RM4,126,679,500** bagi Perbelanjaan Pembangunan untuk meneruskan Agenda Ekonomi MADANI KPT. Peningkatan keseluruhan peruntukan KPT sebanyak **6.8 peratus** berbanding tahun 2023 menggambarkan peranan penting KPT sebagai pemangkin kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat melalui bidang pendidikan tinggi.

Dalam memacu kecemerlangan pendidikan tinggi, KPT akan melaksanakan inisiatif-inisiatif Belanjawan 2024 seperti berikut:

1. **Menyelenggara dan membaiki prasarana di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** serta menggantikan peralatan lama yang usang dengan peruntukan sebanyak **RM300 juta**. Ini termasuk **RM50 juta** bagi **perolehan peralatan** di empat (4) rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).
2. Pelaksanaan **Projek Pembangunan baharu Hospital Pengajar Universiti (HPU)** meliputi:
  - (i) Kompleks Hospital Pengajar Universiti (HPU) Sains Islam Malaysia (USIM) Fasa 1 di Kota Tinggi, Johor dengan kos **RM938 juta**; dan
  - (ii) Bangunan tambahan Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
3. Menyediakan **pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET** dan sebagai insentif kepada industri untuk bekerjasama dengan institusi TVET awam dengan peruntukan **RM100 juta**. Peruntukan ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan melibatkan pendidikan TVET berjumlah **RM6.8 bilion**.

4. Melaksanakan **Program Tahfiz TVET** bagi membuka peluang kepada pelajar tahfiz mempelbagaikan kemahiran di samping meneruskan pengajian hafazan dengan peruntukan **RM17 juta**.
5. Meneruskan agenda pendigitalan pendidikan tinggi dengan peruntukan sebanyak **RM250 juta** untuk **mengantikan dan meluaskan capaian Wi-Fi di semua Universiti Awam (UA)**. Ini termasuk **RM5 juta** untuk melaksanakan projek pendigitalan Hospital Pengajar Universiti (HPU).
6. **Merakyatkan ilmu kepada komuniti rentan** seperti OKU, Orang Asli, ibu tunggal dan warga emas melalui peruntukan sebanyak **RM5 juta** bagi pelaksanaan **Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)** di 105 buah Kolej Komuniti. Inisiatif ini dijangka memanfaatkan 5,000 komuniti tumpuan.
7. **Memperuntukkan RM1 juta** kepada setiap Universiti Awam (UA) untuk memperhebat pelaksanaan **Program Pengupayaan Komuniti MADANI** dan **Program Pemulihan Dalam Komuniti OKU**.
8. **Menubuhkan pusat pendidikan kecerdasan buatan (AI) pertama negara**, iaitu **Fakulti Kecerdasan Buatan (AI)** di **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** dengan peruntukan awal **RM20 juta**.
9. Memberikan **diskaun bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bermula 14 Oktober 2023 sehingga 31 Mac 2024** dengan kadar berikut:
  - (i) **Diskaun 10 peratus** atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
  - (ii) **Diskaun 10 peratus** untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
  - (iii) **Diskaun 15 peratus** untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual.
10. Memperkasakan **penyelidikan dan inovasi** pelbagai bidang melalui dana Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sebanyak **RM510 juta** kepada KPT dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI). Antaranya, **RM50 juta** dikhususkan sebagai **geran padanan untuk Universiti Awam (UA) bekerjasama dengan sektor swasta** dalam merancakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang boleh dikomersialkan.
11. Menghadkan **yuran bagi tujuan pendaftaran masuk ke Universiti Awam (UA) agar tidak melebihi RM1,500** supaya selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh PTPTN berjumlah **RM1,500** kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.
12. Memudah cara dan membantu mahasiswa serta bakal pelajar yang mempunyai masalah pembayaran yuran. **Pelajar sedia ada yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak akan disekat bagi mendaftar subjek pada semester berikutnya.**
13. Memberikan rawatan asas termasuk saringan awal kanser payudara melalui **klinik bergerak Hospital Pengajar Universiti (HPU)**.

14. **Menawarkan kepakaran dan perkhidmatan Hospital Pengajar Universiti (HPU)** sebagai alternatif menangani isu kesesakan kemudahan kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.
15. **Menyokong pelaksanaan Inisiatif FLYsiswa** oleh Kementerian Pengangkutan yang manfaatkan hampir 60,000 orang pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

KPT akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi menyokong aspirasi Belanjawan 2024: Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**13 Oktober 2023**